

Manfaatkan ekonomi digital jadi usahawan alaf baharu

Keusahawan digital menjadi topik perbualan popular mutakhir ini, lebih-lebih lagi pada saat penularan COVID-19.

Banyak perniagaan tidak dapat beroperasi secara fizikal, kedai dan restoran pula terpaksa ditutup. Pemilik perniagaan perlu berfikir bagaimana mempelbagaikan perniagaan serta mengalihkan kaedah berinteraksi dengan pelanggan melalui perniagaan digital.

Perniagaan digital wujud seawal 90-an ketika internet digunakan secara komersial seluruh dunia. Laman sesawang yang mulanya memamerkan maklumat, menjadi platform menjalankan perniagaan.

Ketika ini, wujud istilah baharu perdagangan elektronik atau e-dagang. Di Malaysia, kewujudannya seawal dekad ke-20. Istilah e-dagang berkembang menjadi perniagaan elektronik, diikuti pasaran dan pemasaran elektronik.

Apabila media sosial muncul dan diterima, istilah perdagangan sosial pula digunakan dan sekarang, perniagaan atau pemasaran digital merujuk perniagaan dalam talian. Mereka yang meneroka medium ini bagi tujuan perniagaan dan mendapat keuntungan melaluinya dikenali usahawan digital.

Keusahawanan digital pula merujuk penciptaan sesuatu usaha baharu dan kemudian mentransformasi perniagaan sedia ada dengan membangunkan serta menggunakan teknologi digital terkini.

Perkembangan teknologi digital terkini membawa perubahan model perniagaan sedia ada dan penciptaan baharu, pengenalan produk dan perkhidmatan baharu serta peningkatan kecekapan proses perniagaan yang akhir-

nya menjadikan perniagaan lebih berdaya saing.

Peralihan ekonomi sedia ada kepada ekonomi digital penting mempercepatkan pertumbuhan ekonomi tempatan dan nasional, dengan tenaga penggerak kebanyakannya usahawan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Bagi merealisasikan tujuan ini, kerajaan melancarkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang memperuntukkan RM700 juta bagi pembangunan platform perniagaan digital menerusi pemberian geran dan pinjaman kepada syarikat berstatus PKS serta syarikat peringkat pertengahan untuk menerapkan penggunaan teknologi digital dalam operasi dan saluran perdagangan mereka.

Ini secara tidak langsung memberi tumpuan penting untuk meningkat dan merangsang daya tahan ekonomi digital negara, seterusnya membantu rakyat serta perniagaan yang terkesan akibat COVID-19.

Dijangka melalui perkembangan per-

niagaan digital akan berlaku pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta ekonomi Malaysia.

Ekonomi digital gelombang baharu mampu mewujudkan pelbagai peluang perniagaan serta pekerjaan, sekali gus meningkatkan pendapatan rakyat secara menyeluruh, termasuk di luar bandar.

Pelajar lepasan sekolah, kolej atau universiti tidak perlu lagi hanya berharap menjadi pencari kerja, sebaliknya boleh berubah menjadi pencipta atau pemberi kerja.

Banyak peluang baharu dapat diteroka dan dicipta, contohnya penghantaran atau e-hailing yang semakin popular.

Selain itu, banyak aplikasi bersemuka dalam talian diwujudkan dan boleh dijadikan saluran perniagaan. Ada juga usahawan membuat video pendek dan dimuat naik ke YouTube untuk menarik tontonan, sekali gus menjana pendapatan.

Secara am, banyak ruang serta peluang dapat diteroka dalam dunia di-

gital. Kemahiran berniaga ditambah kemahiran digital bakal memberi ruang untuk usahawan meneroka lebih jauh.

Kuasa internet, Facebook live serta viral dalam dunia digital boleh mencetus fenomena baharu keusahawanan.

Setiap usahawan wajar meneroka dunia digital untuk bangkit kembali selepas melalui detik sukar COVID-19.

Untuk itu, usahawan perlu mengubah minda bahawa kelangsungan perniagaan pasca pandemik tidak seharusnya ada modal besar, bahkan tidak memerlukan kedai fizikal.

Mereka boleh bekerja dari rumah atau kedai dalam talian, atau boleh mengurus niaga menggunakan pelantar perniagaan digital seperti Shoppe dan Lazada.

Mereka boleh juga menceburkan diri sebagai *dropship*, iaitu memainkan peranan penting untuk mempromosi dan akhirnya menjual.

Hakikatnya, penjualan dan pembelian dalam talian bersesuaian dengan normal baharu pasca pandemik.

Penulis adalah Profesor Madya di Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan Universiti Kebangsaan Malaysia



Dr Noor Azuan Hashim

